



## KENYATAAN MEDIA

### INSIDEN KAPAL SMF IXORA TERKANDAS BERHAMPIRAN JAMBATAN SUNGAI JOHOR

**PASIR GUDANG, 2 SEPTEMBER 2026** - Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) dimaklumkan mengenai insiden melibatkan kapal tangki SMF IXORA yang telah hanyut dan terkandas di Jambatan Sungai Johor pada petang ini. Berdasarkan maklumat awal, kejadian berlaku ketika kapal tersebut sedang bergerak keluar menuju kawasan berlabuh sebelum mengalami kesukaran akibat keadaan arus dan angin yang kuat.

LPJ bersama agensi berkaitan telah mengambil tindakan segera bagi memantau keadaan dan memastikan keselamatan navigasi di kawasan tersebut. Kapal berkenaan berjaya ditarik keluar dan kini berada dalam keadaan selamat di kawasan berlabuh yang ditetapkan.

LPJ sedang menjalankan siasatan lanjut bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian serta menilai sebarang kesan atau kerosakan yang mungkin berlaku.

Terima kasih.

**LEMBAGA PELABUHAN JOHOR**  
**2 SEPTEMBER 2026**

-TAMAT-

---

#### ***Pertanyaan Media***

#### ***Unit Komunikasi Strategik***

*Lembaga Pelabuhan Johor*

*Jalan Mawar Merah 2,*

*Pusat Perdagangan Pasir Gudang 2,*

*81700 Pasir Gudang,*

*Johor Darul Ta'zim, Malaysia.*

*[+07-253 4000](tel:+6072534000)*